

'Bukan dasar kerajaan dedah senarai nama pemegang AP'

Rafidah jawab syor Mahathir

UM 1 - JUN 2005

Oleh JOHARDY IBRAHIM

SHAH ALAM 31 Mei — Kerajaan tidak akan mendedahkan nama pemegang Permit Import (AP) yang dibenarkan untuk membawa masuk kenderaan ke negara ini, tegas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, ia bukan dasar kerajaan dan tidak pernah dilakukan sebelum ini.

Bagaimanapun, kata Rafidah, sekiranya Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu mendapatkan senarai nama pemegang AP, beliau akan mengemukakannya secara peribadi kepada bekas Perdana Menteri itu.

"Biasanya hanya bilangan pemegang AP sahaja diumumkan.

"Ia (pengumuman nama) belum pernah dibuat walaupun semasa Tun Dr. Mahathir menjadi Menteri Perdagangan dulu pun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat perkhidmatan Kanzen Stainless Processors di sini, hari ini.

Beliau menjawab cadangan Dr. Mahathir semalam supaya nama mereka yang mendapat AP kereta didedahkan secara terperinci kepada umum.

Ini disebabkan, Dr. Mahathir yang juga merupakan Penasihat Proton Holdings Bhd., bimbang dengan pengeluaran permit itu yang disifatkan sebagai terlalu banyak sehingga mengancam industri automotif negara.

AP dikeluarkan oleh kementerian itu bagi membolehkan kereta pasang sepenuhnya (CBU) diimport ke negara ini.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 116 pemegang AP dengan 31 daripadanya merupakan pemegang francais tunggal bagi mengimport dan mengedarkan 41 jenama kereta asing di negara ini.

Mengulas lanjut, Rafidah menegaskan, kementeriannya sudah telus dengan membuat beberapa pengumuman di Parlimen mengenai pengeluaran AP, tetapi nama pemiliknya tidak akan diumumkan kerana ia bukan dasar kerajaan.

Beliau berkata, dasar kerajaan adalah tetap iaitu hanya membenarkan 10 peratus sahaja kemasukan kereta import daripada jumlah pengeluaran kenderaan tempatan.

Dalam pada itu, menteri itu berkata, beliau tidak lagi mempengerusikan mesyua-

■ Lihat muka 4

Rafidah jawab syor Mahathir

rat jawatankuasa AP sebaliknya telah menyerahkan tugas itu kepada Ketua Setiausaha kementeriannya, Datuk Mohd. Sidek Hassan.

"Saya tidak memberi apa-apa kelulusan. Kalau ada sesiapa tuduh kita memberi AP, itu adalah fitnah," tegas beliau.

Menurut beliau, masalah timbul apabila terdapat kumpulan yang gagal memohon AP mendakwa mereka yang mendapatnya sebagai kroni.

"Sedangkan sebab sebenar mereka gagal memohon AP ialah kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Kami mahu mengurangkan penyelewengan.

"Daripada sudut pengawasan pula, pemegang AP diwajibkan mencapai prestasi jualan sebanyak 75 peratus daripada jumlah yang diimport. Jika gagal, kelulusan tahun berikutnya akan dikurangkan," katanya.

Tahun lalu, kata Rafidah, kerajaan telah meluluskan permohonan daripada 116 pemegang AP untuk membawa masuk 66,277 buah kenderaan, tetapi yang benar-benar diimport ialah 55,713 buah.

Menurut beliau, Proton sebenarnya tidak

boleh bertahan sekiranya sistem AP, yang diperlukan bagi membolehkan pemegangnya mengimport kenderaan daripada luar negara, dihapuskan sama sekali.

"Sistem AP yang terkawal telah memastikan Proton dapat terus hidup sehingga ke hari ini," kata beliau.

Tambah beliau, dasar pengeluaran AP selepas 1989 menetapkan ia hanya diberikan kepada francaisor dengan syarikat pengeluaran kereta sebagai pengimport dan pengedar tunggal sesebuah jenama di Malaysia.

Mengenai Proton, Rafidah berkata, perlindungan kepada industri tempatan tetap diberikan oleh kerajaan, tetapi pasaran tidak lagi boleh ditutup sepenuhnya, sejajar dengan liberalisasi sektor automotif rantau ini.

Beliau turut hairan kenapa Proton tidak membuat pelaburan sewajarnya untuk bertapak di pasaran luar negara seperti mengadakan bilik pameran bagi mempromosikan model-modelnya.

Menurutnya, maklum balas yang diterimanya daripada duta-duta Malaysia mendapati Proton ada kalanya melantik orang

yang tidak berwibawa dan tidak diiktiraf sebagai pengedar di negara luar.

Keadaan itu, katanya lagi, merugikan Proton kerana jelas mereka yang dilantik itu tidak memiliki pengalaman untuk menjual kereta-kereta nasional.

Daripada aspek eksport, tambah beliau, jelas statistik Proton menurun iaitu 14,965 buah pada 1994 dan meningkat kepada 25,686 buah pada 1997, tetapi merudum kepada hanya 7,622 buah pada tahun 2003.

"Tiada sesiapa menyekat Proton untuk dieksport, tetapi Proton hendaklah meningkatkan kualiti dan bilangan jualan supaya menjadi kos efektif," ujarnya.

Kepada soalan spekulasi bahawa kronisme tersebar luas disebabkan seorang pemegang AP adalah bekas pegawai MITI, Rafidah berkata: "Adakah salah bagi pegawai kerajaan yang sudah bersara berniaga?"

"Kita menilai sama ada seseorang itu mempunyai merit untuk dianugerahkan AP. Anak Tun Dr. Mahathir sendiri pun memiliki AP untuk mengimport kereta Porshe, apakah salah untuk dia memilikinya," soalnya.